



## **TEKS UCAPAN**

**YB TUAN HAJI KHALID BIN ABD. SAMAD  
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**SEMPENA**

**KEMPEN TANAM POKOK  
BERSAMA KOMUNITI WILAYAH  
PERSEKUTUAN LABUAN**

**KAMPUNG SUNGAI MIRI,  
WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN**

**15 FEBRUARI 2019 (JUMAAT)  
JAM 8.30 PAGI**

**Terima kasih saudara / saudari pengacara  
majlis,**

**Bismillahirrahmanirrahim**

**Assalamualaikum                      Warahmatullahi  
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera**

**1. Yang Berbahagia Datuk Seri Haji  
Saripuddin bin Haji Kasim**

**Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah  
Persekutuan**

**2. Yang Berbahagia Dato' Sri Haji Amir bin  
Haji Hussein**

**Pengerusi Perbadanan Labuan**

**3. Yang Berbahagia Datuk Azhar bin Ahmad**

**Ketua Pegawai Eksekutif**

## **Perbadanan Labuan**

**4. Yang Berusaha Puan Hajah Rotina binti  
Mohd. Daik**

**Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara**

**5. Pengerusi MPP WP Labuan**

**Pegawai-Pegawai Kementerian Wilayah  
Persekutuan, Perbadanan Labuan, Jabatan  
Landskap Negara, Ketua Kampung dan  
Penduduk Kampung Sungai Miri, WP Labuan.**

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati  
sekalian,**

## **PENDAHULUAN**

**Terlebih dahulu saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana berkat limpah kurnia dan rahmat-Nya dapat kita bersama-sama pada hari ini dalam program Kempen Tanam Pokok bersama Komuniti Wilayah Persekutuan Labuan khasnya masyarakat di Kampung Sungai Miri ini.**

**Di pagi yang indah ini, saya juga ingin merakamkan penghargaan di atas kehadiran semua pihak dalam sama-sama menjayakan program ini. Bagi saya ia amat bermakna kerana buat pertama kalinya program Kempen Tanam Pokok oleh Jabatan Landskap Negara dilaksanakan sebagai salah satu program Sambutan Hari Wilayah Persekutuan yang mana kawal selia Jabatan Landskap Negara**

**diletakkan di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan bermula Oktober 2018.**

**Bagi pihak Kementerian dan seluruh warga penganjur, saya ingin menyampaikan rasa terima kasih di atas kerjasama erat antara Jabatan Landskap Negara, Perbadanan Labuan, jabatan-jabatan serta agensi di bawah Wilayah Persekutuan, Ketua Kampung serta warga penduduk Kampung Sungai Miri, pelajar-pelajar Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan dan pelajar-pelajar Sekolah Menengah Sains Labuan di atas pelaksanaan program pada pagi ini.**

**YBhg. Datuk-Datuk, Datin-datin, Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,**

## **SAMBUTAN HARI WILAYAH PERSEKUTUAN 2019**

**Sambutan Hari Wilayah Persekutuan pada tahun ini disambut pada sepanjang bulan Februari 2019 di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan iaitu Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Sebanyak 21 program yang bertemakan ‘Sayangi Wilayahku’ dilaksanakan bersama Komuniti di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan.**

**Tema Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2019 ‘Sayangi Wilayahku’ dipilih sebagai satu aspirasi kita untuk menyatukan warga Wilayah Persekutuan melalui peningkatan persefahaman dan mengeratkan perpaduan. Aspirasi ini adalah penting untuk Kementerian Wilayah Persekutuan merealisasikan pembangunan secara terancang, memacu**

**kecemerlangan, melakar kejayaan dan mensejahterakan kehidupan rakyat di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan di bawah pentadbiran kerajaan baharu pada hari ini.**

**Kerjasama erat merentas jabatan atau agensi dan penduduk seperti program Kempen Tanam Pokok yang kita sama-sama laksanakan pada pagi ini adalah suatu manifestasi kesungguhan Kementerian Wilayah Persekutuan dan Jabatan Landskap Negara ke arah apa yang kita ungkapkan sebagai 'Wilayah Peduli Harapan Dipenuhi'.**

## **PROGRAM KEMPEN TANAM POKOK**

**Kerajaan telah melancarkan program Kempen Tanam Pokok pada 3 Mac 1997 yang disempurnakan oleh Y.A.B Dato' Seri Dr.**

**Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia ke-4 pada masa itu. Sasaran kempen adalah untuk menanam sejumlah 20 juta pokok utama menjelang tahun 2020 di seluruh Negara.**

**Matlamat program Kempen Tanam Pokok ini adalah untuk menggalakkan penanaman pokok teduhan di bandar-bandar dan kawasan awam yang boleh mempertingkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan pokok bagi mengekalkan tahap kehijauan, kualiti landskap dan persekitaran yang menyumbang kepada kualiti kehidupan yang sihat, selamat dan indah di seluruh Malaysia.**

**Selepas 22 tahun pelaksanaan, didapati Kempen Tanam Pokok telah berjaya menyemai kecintaan masyarakat terhadap landskap dan**



**pokok. Adalah menjadi satu aktiviti lazim pada waktu kini, penanaman pokok dilaksanakan dalam kebanyakan program yang dianjurkan oleh komuniti, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), pihak swasta dan agensi kerajaan. Malah di bandar-bandar besar, aktiviti penanaman pokok digerakkan oleh NGO seperti Tress for Life.**

## **PENGANJURAN PROGRAM SELARAS HALA TUJU KWP**

**Program Kempen Tanam Pokok ini juga selaras dengan hala tuju Kementerian Wilayah Persekutuan dalam memastikan 6 Teras Utama yang akan diusahakan untuk warga Wilayah Persekutuan dipenuhi iaitu Wilayah Bersih, Keselamatan Awam, Pengangkutan Awam Efisien, Sosio Ekonomi Mampan, Pesekitaran Hijau dan Komuniti Inklusif.**

**Melalui Teras Persekitaran Hijau di bawah 6 Teras Utama tersebut, Kementerian akan memastikan perancangan pembangunan dan gaya hidup yang mesra alam dilaksanakan untuk maafaat seluruh warga Wilayah Persekutuan meliputi perkara berikut:**

- i. Mewartakan sekurang-kurangnya satu taman awam di setiap negeri**
- ii. Ke arah Bandar Raya Rendah Karbon**
- iii. Inisiatif Kejiranan Hijau**
- iv. Penggunaan Produk Biodegradasi di seluruh Wilayah Persekutuan; dan**
- v. Pemuliharaan Taman yang menekankan persekitaran hijau bagi projek pembangunan melalui penyediaan insentif dan Hari Landskap Negara.**

**Dalam konteks ke arah Bandar Raya Rendah karbon, menurut USDA National Agroforestry**

**Center dan US Department of Agriculture, apabila kita menanam pokok kita akan membantu dalam mengurangkan pelepasan karbon dimana sebatang pokok mampu:**

- i. menapis 27 kilogram pencemaran udara dalam setahun;**
- ii. dapat mengurangkan 10% suhu persekitaran;**
- iii. menghasilkan 55 kilogram Oksigen setahun; dan**
- iv. menyerap sebanyak 2,800 liter air hujan dalam masa setahun**

**YBhg. Datuk-Datuk, Datin-datin, Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,**

# **USAHA KERAJAAN TERHADAP PEMBANGUNAN LANDSKAP**

**Di Wilayah Persekutuan Labuan ini sendiri, Jabatan Landskap Negara telah dan sedang merancang serta melaksanakan pembangunan landskap untuk dimanfaatkan oleh rakyat. Antara pembangunan landskap yang telah dilaksanakan adalah pembinaan Taman Awam Tanjung Purun, Taman Botani Labuan, Pemeliharaan Paya Bakau Kinabenuwa, dan penyediaan Pelan Induk Landskap Wilayah Persekutuan Labuan.**

**Saya percaya usaha yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Landskap Negara dan Perbadanan Labuan seperti di atas amat membantu dalam meningkatkan potensi pulau ini sebagai sebuah Pulau Pelancongan, seperti mana yang telah dinyatakan di dalam konsep**

**pembangunan Pelan Induk Landskap Wilayah Persekutuan Labuan: “Untuk menjadikan Labuan sebagai sebuah pulau taman percutian maritim berwarna-warni yang tercantik di dunia dengan memastikan keseimbangan antara pembangunan landskap semasa dan pemeliharaan alam semulajadi”.**

**Sehubungan dengan itu antara usaha yang boleh dilaksanakan adalah melalui pengekalan landskap budaya di kawasan kampung-kampung tradisional dan penanaman pokok berbunga di Kampung Air untuk menarik kehadiran pelancong dalam dan luar negara. Hasrat ini boleh dicapai memandangkan cuaca dan persekitaran Labuan yang panas dan kering membolehkan pokok berbunga mengekalkan bunga pada jangka masa yang**

**lebih lama untuk mewujudkan unsur warna ceria yang lebih ketara dan dinamik.**

**Sehubungan dengan itu, saya mengalu-alukan semua pihak memainkan peranan yang positif, berusaha gigih dan mengambil langkah yang sewajarnya demi memastikan keindahan landskap dan kebersihan persekitaran di kawasan tuan-tuan dan puan-puan terpelihara.**

**Justeru, program perlandskapn sebegini wajar diterusnya kerana ianya adalah satu usaha murni dalam mendidik, menyemai rasa tanggungjawab dan memupuk kesedaran masyarakat umumnya dan penduduk di Kampung Sungai Miri ini khasnya dalam menghargai landskap dan alam sekitar.**

## **FAEDAH PENANAMAN POKOK**

**Pada pagi yang indah ini kita akan bersama-sama menanam sejumlah 150 pokok teduhan pelbagai spesis untuk memperindahkannya pantai Kampung Sungai Miri ini yang disumbangkan oleh Jabatan Landskap Negara. Sepertimana yang telah dinyatakan di dalam matlamat Kempen Tanam Pokok, program yang kita anjurkan pada pagi ini adalah untuk:**

- i) Memupuk sifat tanggungjawab kepada segenap lapisan masyarakat terhadap pemuliharaan landskap dan persekitaran;**
- ii) Menggalakkan kesedaran kesihatan dan aktiviti gaya hidup sihat;**
- iii) Memastikan masyarakat dapat hidup dalam persekitaran kehidupan yang indah, selesa dan selamat; dan**

**iv) Mewujudkan masyarakat yang peka, prihatin dan menyumbang dalam mengurangkan impak terhadap perubahan iklim dengan lebih berkesan.**

**YBhg. Datuk-Datuk, Datin-datin, Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,**

## **PENUTUP DAN PERASMIAN**

**Saya berharap program ini berjaya mencapai matlamatnya selain meningkatkan kesedaran masyarakat untuk menghargai landskap, seterusnya diwarisi dan diamalkan oleh generasi akan datang.**



**Sebelum mengundur diri, izinkan saya memetik ucapan YAB Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, sewaktu menjadi Perdana Menteri Malaysia ke-4, sempena Majlis pelancaran Kempen Menanam Pokok Seluruh Negara pada 3 Mac 1997 di Kuala Lumpur:**

***“Kualiti persekitaran yang baik adalah penting dalam memupuk masyarakat yang sihat daripada segi mental dan fizikal serta berkeyakinan. Dengan usaha Kempen Tanam Pokok ini, diharapkan suasana kehijauan, keindahan dan keselesaan akan menjadi sebahagian daripada kehidupan masyarakat Negara ini”.***

**Dengan lafaz BISMILLAHIRAHMANIRRAHIM, saya dengan sukacitanya merasmikan Program Kempen Tanam Pokok bersempena**

**Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2019 pada pagi ini.**

**Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah,  
Wassalamualaikum Warrahmatullahi  
Wabarakatuh.**

**Terima kasih.**